

IHPR Ogos -1.8 peratus

PETALING JAYA – Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia, yang mengukur harga barangan di pintu kilang turun -1.8 peratus pada Ogos lalu, berbanding -2.3 peratus pada Julai, menurut laporan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, penurunan disumbangkan terutamanya oleh sektor perlombongan yang turun sebanyak -3.8 peratus, manakala sektor pembuatan turun sebanyak -2.3 peratus.

“Sektor bekalan elektrik & gas juga mencatatkan penurunan -0.1 peratus, namun sektor pertanian, perhutanan & perikanan meningkat sebanyak 2.9 peratus,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Jabatan Perangkaan, harga komoditi dijangka menurun, tetapi dengan bekalan lebih ketat yang merupakan risiko kepada kenaikan harga, berdasarkan Unjuran Pasaran Komoditi Suku Tahun Ketiga 2023 oleh Euromonitor International.

Jelasnya, walaupun kekal pada paras tinggi, harga komoditi dijangka berada pada paras normal berbanding tahun lepas, dipengaruhi oleh



MOHD. UZIR

permintaan global yang lebih lemah.

“Tinjauan ekonomi global bertambah baik beberapa bulan kebelakangan ini, tetapi rapuh berikutan pemulihan pasca-pandemik China dan ketegangan geopolitik.

“Dalam sama yang sama, Perjanjian Bijirin Laut Hitam antara Rusia dan Ukraine telah digantung, yang membolehkan Ukraine mengimport bijirin melalui jalan laut.

“Penggantungan perjanjian dan kemerosotan kemudahan pelabuhan dijangka memberi kesan kepada eksport bijirin dan biji sesawi, yang berpotensi membawa kepada lonjakan harga kedua-dua bahan tersebut,” katanya.